



Pelajar antarabangsa UMP meraikan kejayaan menamatkan PIE sempena Majlis Penganugerahan Sijil Tamat PIE di Gambang, Pahang, baru-baru ini.

# Kuasai bahasa Inggeris menerusi PIE

b - HARIAN CINTA | 28 MEI 2015 M/S 2

Oleh Mimi Rabita  
Abdul Wahid  
[bharstigbh.com.my](http://bharstigbh.com.my)

► Gambang

Seramai 87 pelajar antarabangsa Universiti Malaysia Pahang (UMP) meningkatkan pengetahuan bahasa Inggeris melalui Program Intensif Bahasa Inggeris (PIE) sebagai persediaan menyambung pengajian peringkat ijazah sarjana muda dan pasca-sarjana, baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof Datuk Dr. Yusserie Zainuddin, berkata program itu dilaksanakan Pusat Bahasa Moden dan Sains Bernama-



Dr Yusserie (tengah) bersama Timbalan Dekan PBMSK, Dr Norehan Sulon pada Program Intensif Bahasa Inggeris di Astaka, UMP Gambang baru-baru ini.

sian (PBMSK) sejak tahun 2008 bagi memudahkan pelajar mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran serta menjalani aktiviti harian.

Ratanya, terdapat kira-kira lima peratus atau 531 pelajar antarabangsa daripada 37 negara yang menyambung pengajian di UMP ketika ini.

"Walaupun peratusan ini masih kecil, ia menjadi

petunjuk positif bahawa UMP sudah mula mencapai kedudukan berdaya saing dalam pasaran pendidikan global selaras hasrat dalam Pelan Strategik UMP 2016-2020.

#### Tahap kompetensi

"Saya berharap pelajar luar negara akan terus cemerlang hingga tamat pengajian sekali

gus mampu menarik minat lebih ramai pelajar antarabangsa untuk mendaftar pengajian di UMP," katanya ketika berucap pada Majlis Penganugerahan Sijil Tamat PIE di sini, baru-baru ini.

Aiman Awadh Saleh Mokashiz terpilih sebagai pemenang Most Outstanding Award berdasarkan pencapaian band 5.8 serta kerupasan

#### FAKTA NOMBOR

**531**  
pelajar

antarabangsa  
yang menyambung  
pengajian di UMP

mencapai tahap kompetensi dalam tempoh paling singkat iaitu sebulan.

Anugerah Best Achievement Award kategori pasca-sarjaza pula dimenangi oleh Mohd Midhat Hasan dengan keputusan band 6.5 manakala anugerah Best Achievement Award kategori ijazah sarjana muda milik Ahmed Hassan Ahmed Al Hamed dengan keputusan band 6.3.

Sementara itu, penyelaras PIE, Dr Zailin Shah Yusoff menzahirkan kebanggaan terhadap pencapaian pelajar antarabangsa yang mengikuti program itu sepanjang lima tahun pelaksanaannya.